

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 13.11.2014
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapa dalam bulan Ramadan kereta perisai ATM berada di KM 232 Lebuhraya Utara Selatan hingga boleh terbalik kerana hilang kawalan menyebabkan kematian dan luka parah warga tentera. Berapa jumlah pampasan pihak Kerajaan beri kepada semua waris mangsa yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kereta perisai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terlibat dalam kemalangan pada 3 Julai 2014 adalah dalam perjalanan untuk latihan menembak kereta perisai di Lapang Sasar Gemas. Kemalangan berkenaan menyebabkan kematian 2 anggota dan 2 anggota lagi telah cedera.

Waris anggota-anggota yang meninggal dunia telah menerima jumlah pampasan dan sumbangan seperti berikut:

- a. Waris Mendiang Sjn Bayong ak Burma telah menerima pampasan dan sumbangan berjumlah RM 272,500.00 berupa sumbangan BAKTI, Insuran Kelompok, Insuran Awam, Bantuan dan Khairat Kematian.**

- b. Waris Allahyarham Kpl Che Mohamad Patanah bin Che Ismail telah menerima pampasan dan sumbangan berjumlah RM 226,500.00 berupa sumbangan BAKTI, Insuran Kelompok, Bantuan dan Khairat Kematian.**